

P.U. (A) 422.

AKTA KOPERASI 1993

PERATURAN-PERATURAN KOPERASI 2010

SUSUNAN PERATURAN-PERATURAN

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Peraturan

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

BAHAGIAN II

PENDAFTARAN

3. Permohonan bagi pendaftaran
4. Maklumat tambahan sebelum pendaftaran
5. Pendaftaran

BAHAGIAN III

KEWAJIPAN DAN OBLIGASI KOPERASI

6. Undang-undang kecil
7. Pindaan undang-undang kecil
8. Penama
9. Salinan catatan buku

BAHAGIAN IV

HAK DAN LIABILITI ANGGOTA

10. Menandatangani akuan
11. Penggantungan dan penamatan anggota koperasi
12. Pemecatan daripada keanggotaan

BAHAGIAN V

ORGANISASI DAN PENGURUSAN KOPERASI

Peraturan

13. Mesyuarat agung permulaan
14. Fungsi mesyuarat agung tahunan dan mesyuarat agung khas
15. Kuorum bagi mesyuarat agung tahunan dan mesyuarat agung khas
16. Belanjawan tahunan
17. Urusan mesyuarat agung wilayah atau kawasan
18. Pelantikan dan tempoh jawatan anggota Lembaga
19. Butir-butir mengenai anggota Lembaga
20. Anggota Lembaga hendaklah menanggung kerugian
21. Penggantungan dan penamatan anggota Lembaga
22. Tempoh jawatan Jawatankuasa Audit Dalaman
23. Hilang kelayakan sebagai anggota Jawatankuasa Audit Dalaman

BAHAGIAN VI

HARTA DAN KUMPULAN WANG KOPERASI

24. Penerbitan bon atau debentur
25. Syer tidak boleh disandarkan sebagai cagaran
26. Pemindahan syer
27. Pembayaran syer atau yuran daripada Kumpulan Wang Rizab Statutori
28. Penerbitan syer bonus

BAHAGIAN VII

AKAUN DAN AUDIT

29. Pelantikan dan tanggungjawab juruaudit
30. Obligasi juruaudit
31. Buku, akaun dan penyata kewangan
32. Pengemukaan maklumat dan dokumen tambahan

BAHAGIAN VIII

PERTIKAIAN

Peraturan

33. Rujukan pertikaian

BAHAGIAN IX

PERGABUNGAN

34. Pergabungan sukarela antara koperasi

BAHAGIAN X

AKAUN PELIKUIDASIAN KOPERASI DAN KUMPULAN WANG PUSAT KOPERASI

35. Akaun Pelikuidasian Koperasi
36. Kumpulan Wang Pusat Koperasi

BAHAGIAN XI

PELBAGAI

37. Laporan oleh orang yang dilantik untuk mewakili koperasi
38. Masa bagi menyerah simpan dokumen dan memberi maklumat
39. Ketetapan koperasi yang tidak teratur, dsb.
40. Rayuan
41. Pembatalan
42. Kecualian dan peralihan

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

JADUAL KETIGA

JADUAL KEEMPAT

JADUAL KELIMA

JADUAL KEENAM

AKTA KOPERASI 1993

PERATURAN-PERATURAN KOPERASI 2010

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 86 Akta Koperasi 1993 [*Akta 502*], Suruhanjaya, dengan kelulusan Menteri, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Koperasi 2010**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2011.

Tafsiran

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“akaun teraudit” termasuklah penyata kewangan, dan laporan Lembaga dan laporan juruaudit di bawah subseksyen 59(1) Akta;

“institusi perbankan” ertinya mana-mana bank, syarikat kewangan atau bank perdagangan yang dilesenkan di bawah Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989 [*Akta 372*], mana-mana bank Islam yang dilesenkan di bawah Akta Bank Islam 1983 [*Akta 276*] atau mana-mana institusi kewangan pembangunan yang ditetapkan di bawah Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 [*Akta 618*];

“penyata kewangan” ertinya akaun perdagangan dan untung rugi, akaun pembahagian keuntungan, kunci kira-kira dan apa-apa penyata yang ditentukan oleh Suruhanjaya.

BAHAGIAN II

PENDAFTARAN

Permohonan bagi pendaftaran

3. (1) Suatu permohonan bagi pendaftaran sesuatu koperasi hendaklah dibuat kepada Suruhanjaya dalam borang yang dinyatakan dalam Jadual Pertama dan hendaklah ditandatangani mengikut subseksyen 6(1) Akta.

- (2) Tiap-tiap permohonan bagi pendaftaran hendaklah disertai dengan —
- (a) tiga salinan undang-undang kecil yang dicadangkan bagi koperasi yang ditandatangani oleh pemohon;
 - (b) satu salinan minit mesyuarat agung permulaan yang ditandatangani mengikut perenggan 6(2)(b) atau (c) Akta; dan
 - (c) fi bagi pendaftaran yang ditetapkan dalam Peraturan-Peraturan Koperasi (Fi) 2010 [P.U. (A) 131/2010].

(3) Jika permohonan yang dikemukakan di bawah subperaturan (1) tidak mematuhi Akta atau Peraturan-Peraturan ini, Suruhanjaya boleh mengembalikan permohonan itu kepada pemohon dan mengarahkan supaya apa-apa perubahan yang perlu dibuat kepada permohonan itu dalam tempoh yang dinyatakan oleh Suruhanjaya.

Maklumat tambahan sebelum pendaftaran

4. Suruhanjaya boleh secara bertulis pada bila-bila masa selepas menerima permohonan bagi pendaftaran dan sebelum permohonan itu ditentukan, menghendaki pemohon supaya memberikan maklumat tambahan yang berhubungan dengan perkara yang berikut:

- (a) kepentingan ekonomi bakal anggota jika koperasi yang dicadangkan didaftarkan;
- (b) daya maju aktiviti yang akan dijalankan oleh koperasi yang dicadangkan;
- (c) kecukupan modal bagi permulaan operasi koperasi yang dicadangkan; dan
- (d) keupayaan orang untuk mengarah dan menguruskan hal-ehwal koperasi yang dicadangkan mengikut undang-undang kecilnya yang dicadangkan.

Pendaftaran

5. (1) Selepas memberikan pertimbangan yang sewajarnya kepada permohonan bagi pendaftaran atau permohonan yang diubah menurut subperaturan 3(3) dan apa-apa maklumat tambahan yang diberikan berhubung dengan permohonan itu, Suruhanjaya hendaklah —

- (a) apabila berpuas hati bahawa pemohon boleh didaftarkan; dan
- (b) selepas menerima fi bagi pendaftaran yang ditetapkan dalam Peraturan-Peraturan Koperasi (Fi) 2010,

mengeluarkan kepada pemohon suatu perakuan pendaftaran.

(2) Selepas pendaftaran koperasi oleh Suruhanjaya, kesemua tiga salinan undang-undang kecil koperasi itu hendaklah ditandatangani dan dimeterai oleh Suruhanjaya, dan satu salinan undang-undang kecil yang ditandatangani dan dimeterai sedemikian hendaklah dikembalikan kepada koperasi itu bersama-sama dengan perakuan pendaftaran yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya.

BAHAGIAN III

KEWAJIPAN DAN OBLIGASI KOPERASI

Undang-undang kecil

6. Sesuatu koperasi hendaklah memperuntukkan perkara yang berikut dalam undang-undang kecilnya:

- (a) nama dan alamat berdaftar koperasi;
- (b) kawasan operasi koperasi;
- (c) tujuan yang baginya koperasi ditubuhkan dan maksud yang baginya kumpulan wangnya boleh digunakan;
- (d) kelayakan yang dikehendaki bagi keanggotaan dalam koperasi, terma bagi penerimaan masuk anggota dan cara penggantungan dan pemecatan anggota;
- (e) hak dan liabiliti anggota;
- (f) cara untuk mendapatkan modal koperasi;
- (g) cara pelantikan, pengosongan jawatan, penggantungan, peletakan jawatan dan pemecatan pegawai koperasi, selain anggota Lembaga, dan kewajipan dan kuasa pegawai itu;
- (h) cara memanggil dan menjalankan mesyuarat dan hak untuk mengundi;
- (i) penjalanan am urusan koperasi itu;
- (j) pengagihan untung bersih teraudit koperasi;
- (k) pemberikuasaan pegawai koperasi untuk menandatangani dokumen bagi pihak koperasi;
- (l) cara menerima dan mengeluarkan syer atau yuran anggota; dan
- (m) cara dan peratusan pembayaran yang dibuat melalui kumpulan wang yang diwujudkan daripada pengagihan untung bersih teraudit bagi kebajikan anggotanya dan masyarakat.

Pindaan undang-undang kecil

7. (1) Sesuatu koperasi boleh, selepas pendaftarannya, meminda undang-undang kecilnya mengikut cara yang berikut:

- (a) tiap-tiap pindaan hendaklah dibuat mengikut sesuatu ketetapan yang diluluskan oleh undi majoriti di mesyuarat agung koperasi;
- (b) sesuatu notis yang tidak kurang daripada lima belas hari sebelum mesyuarat agung itu hendaklah diberikan kepada anggota atau perwakilannya; dan
- (c) tidak kurang daripada dua pertiga daripada jumlah keseluruhan anggota atau perwakilan koperasi, atau kedua-duanya, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah hadir di mesyuarat agung itu.

(2) Walau apa pun subperaturan (1), Suruhanjaya boleh, melalui arahan bertulis, mengisytiharkan bahawa—

- (a) dalam hal sesuatu koperasi asas yang mesyuarat agung dihadiri oleh anggota individu, kuorum bagi pindaan undang-undang kecil adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kedua, mengikut mana-mana yang kurang; atau
- (b) dalam hal sesuatu koperasi yang mesyuarat agung dihadiri oleh perwakilan, kuorum bagi pindaan undang-undang kecil adalah satu pertiga daripada jumlah keseluruhan perwakilan koperasi itu, atau lima ratus perwakilan, mengikut mana-mana yang kurang, yang hadir di mesyuarat agung itu.

(3) Tiada undang-undang kecil boleh dipinda di bawah subperaturan (2) melainkan jika dua pertiga daripada anggota atau perwakilan yang hadir di mesyuarat agung itu mengundi untuk menyokong meluluskan ketetapan mengenai cadangan itu.

(4) Koperasi hendaklah mengemukakan suatu permohonan bagi pendaftaran pindaan kepada undang-undang kecilnya dalam borang yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga dalam masa tiga bulan dari tarikh mesyuarat agung yang meluluskan pindaan itu, dan permohonan itu hendaklah disertai dengan—

- (a) tiga salinan pindaan kepada undang-undang kecil itu;
- (b) satu salinan ketetapan mesyuarat agung yang meluluskan pindaan itu; dan
- (c) fi pendaftaran yang ditetapkan dalam Peraturan-Peraturan Koperasi (Fi) 2010.

(5) Jika Suruhanjaya meluluskan permohonan yang dibuat di bawah subperaturan (4), Suruhanjaya hendaklah mendaftarkan pindaan kepada undang-undang kecil itu dan mengembalikan kepada koperasi satu salinan pindaan yang diperakui oleh Suruhanjaya bersama-sama dengan perakuan pendaftaran pindaan kepada undang-undang kecil itu.

Penama

8. (1) Tiap-tiap koperasi hendaklah menyimpan suatu Daftar Penama.

(2) Penama boleh menjadi seorang anggota koperasi jika dia diterima masuk mengikut undang-undang kecil koperasi itu.

(3) Mana-mana anggota koperasi yang bukan beragama Islam boleh, secara bertulis, di hadapan sekurang-kurangnya dua saksi yang mengakusaksikan perkara yang sama atau melalui suatu akuan yang dibuat dengan sewajarnya, menamakan mana-mana orang yang kepadanya syer, pulangan atau kepentingan atau nilai syer, pulangan atau kepentingan itu atau apa-apa wang yang disebut dalam seksyen 24 Akta yang kena dibayar kepadanya boleh, apabila anggota itu mati, dibayar atau dipindahkan mengikut seksyen sedemikian, dan boleh dengan cara yang seumpama, dari semasa ke semasa, membatalkan atau mengubah penamaan itu.

(4) Melainkan jika undang-undang kecil koperasi memperuntukkan bagi apa-apa cara pengiraan yang lain, nilai syer, pulangan atau kepentingan anggota yang dibayar kepada penama di bawah subperaturan (3) hendaklah, tertakluk kepada akaun teraudit yang terakhir bagi koperasi itu, terdiri daripada jumlah wang yang sebenarnya dibayar oleh anggota itu untuk memperoleh syer, pulangan atau kepentingan sedemikian.

(5) Jika penama ialah seorang kanak-kanak, resit yang diberikan olehnya atau penjaganya bagi apa-apa wang yang dibayar kepada kanak-kanak itu oleh koperasi adalah suatu pelepasan tanggungan yang mencukupi bagi koperasi berkenaan dengan wang itu.

Salinan catatan buku

9. Bagi maksud seksyen 16 Akta, suatu salinan apa-apa catatan dalam sesuatu buku koperasi boleh diperakui melalui suatu akuan yang bertarik dan ditandatangani oleh pengerusi, setiausaha atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Lembaga koperasi, dan adalah suatu salinan benar catatan sedemikian.

BAHAGIAN IV

HAK DAN LIABILITI ANGGOTA

Menandatangani akuan

10. (1) Sebelum seseorang diterima masuk sebagai anggota sesuatu koperasi, dia hendaklah menandatangani suatu akuan bahawa dia akan terikat dengan undang-undang kecil yang sedia ada bagi koperasi itu dan apa-apa pindaan kepada undang-undang kecil itu semasa tempoh keanggotaannya.

(2) Seseorang yang telahpun menjadi anggota atas sebab penyertaannya dalam permohonan bagi pendaftaran koperasi itu dan yang telah menandatangani minit mesyuarat agung permulaan dikehendaki menandatangani surat akuan yang seumpama sebagaimana yang disebut dalam subperaturan (1).

Penggantungan dan penamatan anggota koperasi

11. (1) Lembaga boleh menggantung mana-mana anggota koperasi jika majoriti anggota Lembaga berpuas hati bahawa anggota itu telah bertindak dengan cara yang memudaratkan kepentingan koperasi atau pergerakan koperasi.

(2) Tiada seorang anggota koperasi boleh digantung melainkan jika dia telah diberikan peluang untuk didengar di mesyuarat agung.

(3) Seorang anggota yang digantung di bawah subperaturan (1) hendaklah, mulai dari tarikh penggantungan itu, berhenti menjalankan segala haknya dalam koperasi itu dan tidak berhak untuk menerima apa-apa faedah selama tempoh penggantungan itu.

(4) Apa-apa penggantungan keanggotaan di bawah subperaturan (1) adalah tertakluk kepada pengesahan majoriti anggota di mesyuarat agung terawal yang diadakan selepas penggantungan itu.

(5) Pengesahan penggantungan keanggotaan anggota itu oleh mesyuarat agung di bawah subperaturan (4) hendaklah disifatkan mula berkuat kuasa dari tarikh penggantungan anggota itu.

(6) Selepas pengesahan penggantungan keanggotaan oleh mesyuarat agung, keanggotaan anggota itu hendaklah ditamatkan mulai dari tarikh mesyuarat agung itu.

(7) Jika penggantungan anggota di bawah subperaturan (1) tidak disahkan oleh mesyuarat agung, koperasi hendaklah mengekalkan jawatan anggota itu, dan apa-apa faedah yang patut diterima oleh anggota itu selama tempoh penggantungannya hendaklah dibayar kepadanya dengan serta-merta.

Pemecatan daripada keanggotaan

12. Sesuatu koperasi hendaklah memecat daripada keanggotaannya mana-mana orang yang diterima masuk sebagai anggota koperasi itu bertentangan dengan seksyen 26 dan 27 Akta.

BAHAGIAN V

ORGANISASI DAN PENGURUSAN KOPERASI

Mesyuarat agung permulaan

13. (1) Sebagai tambahan kepada seksyen 38 Akta, mesyuarat agung permulaan hendaklah membincangkan perkara yang berikut:

- (a) menimbang dan meluluskan belanjawan tahunan koperasi;
- (b) meluluskan elaun yang diberikan kepada anggota Lembaga dan saraan yang dibayar kepada mana-mana anggota Lembaga yang dilantik sebagai pengarah subsidiarinya, jika ada;
- (c) meluluskan pelantikan suatu panel yang tidak kurang daripada dua orang juruaudit, yang merupakan juruaudit yang diluluskan oleh Suruhanjaya atau pegawai Suruhanjaya, untuk mengaudit akaun koperasi;
- (d) menimbang dan meluluskan ruang lingkup dan had pelaburan yang dibiayai oleh kumpulan wang lebihan koperasi; dan
- (e) menentukan had maksimum keterhutangan koperasi.

(2) Mesyuarat agung permulaan hendaklah dihadiri oleh—

- (a) sekurang-kurangnya lima puluh orang individu, bagi suatu koperasi asas;

- (b) sekurang-kurangnya dua koperasi asas, bagi suatu koperasi menengah; dan
- (c) sekurang-kurangnya dua koperasi menengah atau sekurang-kurangnya satu koperasi menengah dan satu koperasi asas, bagi suatu koperasi atasan.

Fungsi mesyuarat agung tahunan dan mesyuarat agung khas

14. (1) Fungsi mesyuarat agung tahunan koperasi hendaklah termasuk yang berikut:

- (a) mengesahkan minit mesyuarat agung tahunan yang terdahulu dan mana-mana mesyuarat agung khas yang berselang;
- (b) membentangkan laporan Lembaga dan Jawatankuasa Audit Dalam;
- (c) menimbang dan meluluskan akaun teraudit koperasi dan subsidiarinya, jika ada, termasuk laporan Lembaga di bawah perenggan 59(1)(c) Akta dan laporan juruaudit, dan pengagihan untung bersih teraudit, jika ada;
- (d) melantik anggota Lembaga;
- (e) menimbang dan meluluskan belanjawan tahunan koperasi bagi tahun kewangan yang berikutnya;
- (f) membentangkan suatu laporan berkenaan dengan penerimaan deposit dan pinjaman daripada anggota dan bukan anggota;
- (g) meluluskan elaun yang akan diberikan kepada anggota Lembaga, dan saraan yang akan dibayar kepada mana-mana anggota Lembaga yang dilantik sebagai pengarah subsidiarinya, jika ada;
- (h) meluluskan pelantikan suatu panel yang tidak kurang daripada dua orang juruaudit, yang merupakan juruaudit yang diluluskan oleh Suruhanjaya atau pegawai Suruhanjaya, untuk mengaudit akaun koperasi;
- (i) menimbang dan meluluskan ruang lingkup dan had pelaburan kumpulan wang lebihan koperasi mengikut seksyen 54 Akta;
- (j) menimbang dan meluluskan surat cara skim simpanan, deposit atau pinjaman, jika ada;
- (k) menentukan had maksimum keterhutangan koperasi;
- (l) melantik jawatankuasa yang terdiri daripada enam anggota atau perwakilan dan empat anggota Lembaga, untuk menentusahkan draf minit mesyuarat agung tahunan, jika ada;
- (m) mengisytihar atau mengeluarkan syer bonus, jika ada;
- (n) mendengar, menimbang atau memutuskan apa-apa cadangan atau hal urusan lain koperasi yang baginya suatu notis yang tidak kurang daripada tujuh hari sebelum mesyuarat dipanggil telah diberikan kepada koperasi;

- (o) menimbang dan meluluskan apa-apa cadangan pindaan kepada undang-undang kecil koperasi;
- (p) mendengar dan memutuskan apa-apa aduan yang dibawa oleh mana-mana anggota koperasi yang terkilan dengan keputusan Lembaga, yang baginya suatu notis yang tidak kurang daripada tujuh hari sebelum mesyuarat dipanggil telah diberikan kepada koperasi; dan
- (q) menimbang dan meluluskan mana-mana laporan yang dikehendaki supaya dikemukakan mengikut Peraturan-Peraturan ini.

(2) Walau apa pun subperaturan (1), fungsi yang dinyatakan dalam perenggan (1)(g), (h), (i), (j), (k), (l), (m), (n), (o), (p) dan (q) boleh diputuskan dalam mesyuarat agung khas yang dipanggil di bawah subseksyen 40(1) Akta.

(3) Walau apa pun subperaturan (1), fungsi yang dinyatakan dalam subperaturan itu boleh diputuskan dalam mesyuarat agung khas yang dipanggil oleh Suruhanjaya di bawah subseksyen 40(2) Akta.

Kuorum bagi mesyuarat agung tahunan dan mesyuarat agung khas

15. (1) Kuorum bagi mesyuarat agung tahunan dan mesyuarat agung khas koperasi yang dipanggil bagi apa-apa maksud, selain untuk meminda undang-undang kecil koperasi itu, adalah seperti yang berikut:

- (a) dalam hal suatu koperasi asas yang dihadiri oleh anggota individu, kuorum adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Keempat, mengikut mana-mana yang kurang; atau
- (b) dalam hal suatu koperasi yang dihadiri oleh perwakilan, kuorum adalah tidak kurang daripada satu pertiga daripada jumlah keseluruhan perwakilan koperasi itu, yang menghadiri mesyuarat itu.

(2) Sesuatu mesyuarat agung tahunan yang tidak boleh diteruskan kerana tidak cukup kuorum pada tarikh yang ditetapkan hendaklah, jika dipanggil menurut subseksyen 39(1) Akta, ditangguhkan ke tarikh lain yang tidak kurang daripada empat belas hari tetapi tidak lebih daripada tiga puluh hari dari tarikh yang ditetapkan itu.

(3) Sesuatu mesyuarat agung khas yang tidak boleh diteruskan kerana tidak cukup kuorum pada tarikh yang ditetapkan hendaklah —

- (a) jika dipanggil oleh Lembaga, atau atas rekuisisi anggota atau perwakilan menurut subseksyen 40(1) Akta, dibatalkan; atau
- (b) jika dipanggil oleh Suruhanjaya menurut subseksyen 40(2) Akta, ditangguhkan ke tarikh lain yang tidak kurang daripada empat belas hari tetapi tidak lebih daripada tiga puluh hari dari tarikh yang ditetapkan itu.

(4) Walau apa pun subperaturan (1), bagi maksud subperaturan (2) dan perenggan (3)(b)—

- (a) apa-apa jumlah anggota atau perwakilan, yang tidak kurang daripada dua kali jumlah anggota Lembaga, yang menghadiri mesyuarat itu pada tarikh yang lain itu hendaklah disifatkan membentuk suatu kuorum;
- (b) notis penangguhan mesyuarat agung tahunan atau mesyuarat agung khas, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah dihantar kepada semua anggota atau perwakilan dalam masa tujuh hari dari tarikh yang ditetapkan;
- (c) perkara yang dicadangkan untuk dibincangkan pada tarikh yang ditetapkan di mesyuarat agung tahunan atau mesyuarat agung khas yang ditangguhkan hendaklah dibincangkan di mesyuarat yang diadakan pada tarikh yang lain itu; dan
- (d) keputusan yang dibuat di mesyuarat agung tahunan atau mesyuarat agung khas yang diadakan pada tarikh yang lain itu melalui undi dua pertiga daripada anggota atau perwakilan yang menghadiri mesyuarat itu dan berhak untuk mengundi hendaklah diterima.

(5) Walau apa pun perenggan (1)(a), Suruhanjaya boleh, melalui arahan bertulis dan atas permohonan suatu koperasi asas yang tidak tertakluk kepada perenggan 37(a) Akta, menentukan bahawa kuorum bagi mesyuarat agung khas koperasi asas itu yang dipanggil bagi apa-apa maksud, selain untuk meminda undang-undang kecil, hendaklah tidak kurang daripada satu perdua puluh daripada jumlah keseluruhan anggota koperasi asas itu.

Belanjawan tahunan

16. (1) Tiap-tiap koperasi hendaklah menyediakan belanjawan tahunan bagi tahun kewangan yang berikutnya dalam apa-apa bentuk yang menunjukkan dengan jelas semua butiran pendapatan dan perbelanjaan dan hendaklah dikemukakan bagi kelulusan mesyuarat agung tahunan.

(2) Perbelanjaan koperasi semasa tahun kewangan itu tidak boleh melebihi lima peratus daripada amaun yang diperuntukkan dalam belanjawan tahunan yang disediakan di bawah subperaturan (1), kecuali dengan kelulusan mesyuarat agung tahunan.

Urusan mesyuarat agung wilayah atau kawasan

17. (1) Sesuatu mesyuarat agung wilayah atau kawasan sesuatu koperasi hendaklah diadakan tidak lewat daripada dua bulan sebelum mesyuarat agung tahunan koperasi itu dan hendaklah membentangkan yang berikut:

- (a) akaun teraudit atau draf akaun koperasi;
- (b) belanjawan tahunan yang akan dibentangkan di mesyuarat agung tahunan koperasi;

- (c) cadangan pindaan kepada undang-undang kecil koperasi, jika ada;
- (d) pemilihan perwakilan ke mesyuarat agung tahunan koperasi; dan
- (e) tertakluk kepada subperaturan (2), cadangan daripada Lembaga dan anggota koperasi.

(2) Apa-apa cadangan daripada Lembaga dan anggota koperasi bagi maksud membentangkan cadangan itu di mesyuarat agung wilayah atau kawasan hendaklah dikemukakan kepada koperasi tidak kurang daripada tujuh hari sebelum mesyuarat itu dipanggil.

(3) Koperasi hendaklah mengadakan dokumen yang mencukupi yang berkaitan dengan perkara yang dinyatakan dalam subperaturan (1) dan mengedarkan dokumen itu kepada anggota yang menghadiri mesyuarat agung wilayah atau kawasan.

(4) Kuorum bagi mesyuarat agung wilayah atau kawasan suatu koperasi adalah sebagaimana yang diperuntukkan dalam undang-undang kecil.

(5) Pemilihan perwakilan di mesyuarat agung wilayah atau kawasan koperasi adalah sah selama dua tahun dari tarikh pemilihan perwakilan itu.

Pelantikan dan tempoh jawatan anggota Lembaga

18. (1) Dalam menentukan sama ada seseorang layak dan sesuai untuk dilantik sebagai anggota Lembaga, kriteria yang berikut hendaklah diambil kira:

- (a) ketekunan, kewibawaan dan kewajaran keputusannya; dan
- (b) reputasi, perwatakan, integriti dan kejujurannya.

(2) Tertakluk kepada subperaturan (3), tempoh jawatan anggota Lembaga hendaklah tertakluk kepada yang berikut:

- (a) sekurang-kurangnya satu pertiga daripada anggota Lembaga hendaklah mengosongkan jawatan mereka pada setiap tahun di mesyuarat agung tahunan;
- (b) perkiraan yang dinyatakan dalam perenggan (a) hendaklah diulangi secara bergilir-gilir pada setiap tahun di mesyuarat-mesyuarat agung tahunan yang berikutnya berkenaan dengan dua pertiga daripada anggota Lembaga yang lain;
- (c) terma pelantikan anggota Lembaga jika dia mengosongkan jawatannya sebelum mesyuarat agung tahunan; dan
- (d) giliran pengosongan jawatan yang hendaklah diambil kira jika mesyuarat agung tahunan tidak diadakan.

(3) Jika seseorang dilantik sebagai anggota Lembaga oleh Suruhanjaya menurut subperenggan 69(1)(iv)(B) Akta, dia tidak tertakluk kepada perenggan (2)(a), (b) dan (d).

(4) Mana-mana anggota yang mengosongkan jawatannya di bawah subperaturan (2) berhak untuk dilantik semula.

(5) Walau apa pun subperaturan (2), mesyuarat agung tahunan mempunyai kuasa untuk menamatkan pelantikan seluruh atau mana-mana anggota Lembaga, selain anggota Lembaga yang dilantik oleh Suruhanjaya menurut subperenggan 69(1)(iv)(B) Akta, dengan syarat bahawa suatu cadangan bertulis bagi penamatan itu diterima oleh koperasi sekurang-kurangnya tujuh hari sebelum mesyuarat agung tahunan dipanggil.

(6) Seseorang anggota Lembaga boleh mengosongkan jawatannya dengan memberikan notis bertulis yang ditujukan kepada Lembaga empat belas hari sebelum tarikh peletakan jawatan yang diniatkan itu, dan Lembaga boleh menerima peletakan jawatan itu dan mengisi mana-mana kekosongan tertakluk kepada undang-undang kecil.

Butir-butir mengenai anggota Lembaga

19. (1) Koperasi hendaklah menyerahkan simpan dengan Suruhanjaya suatu senarai anggota Lembaga mengikut perenggan 14(1)(a) Akta yang mengandungi butir-butir yang berkaitan sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya.

(2) Apa-apa perubahan kepada butir-butir anggota Lembaga boleh dibuat, dengan syarat bahawa suatu notis bertulis diberikan oleh koperasi kepada Suruhanjaya dalam masa lima belas hari daripada perubahan itu.

Anggota Lembaga hendaklah menanggung kerugian

20. Seorang anggota Lembaga koperasi hendaklah menanggung rugi koperasi bagi apa-apa kerugian yang ditanggung oleh koperasi akibat daripada apa-apa transaksi yang disempurnakan olehnya tanpa kebenaran Lembaga.

Penggantungan dan penamatan anggota Lembaga

21. (1) Lembaga boleh menggantung mana-mana anggota Lembaga, jika majoriti anggota Lembaga berpuas hati bahawa anggota itu telah bertindak dengan cara yang memudaratkan kepentingan koperasi.

(2) Tiada seseorang anggota Lembaga boleh digantung melainkan jika dia telah diberikan peluang untuk didengar di mesyuarat Lembaga.

(3) Mana-mana anggota Lembaga yang digantung di bawah subperaturan (1) hendaklah, mulai dari tarikh penggantungan itu, berhenti menjalankan segala hak, kewajipan dan tanggungjawab sebagai anggota Lembaga koperasi itu, dan dia tidak berhak untuk menerima apa-apa elaun selama tempoh penggantungan itu.

(4) Mana-mana anggota Lembaga yang digantung boleh ditamatkan tertakluk kepada pengesahan majoriti anggota yang diberikan di mesyuarat agung terawal yang diadakan selepas penggantungan itu.

(5) Penamatan anggota Lembaga yang digantung hendaklah berkuat kuasa dari tarikh penggantungannya.

(6) Jika penamatan mana-mana anggota Lembaga tidak disahkan oleh mesyuarat agung, koperasi hendaklah mengekalkan jawatan anggota itu dan apa-apa elaun yang sepatutnya kena dibayar kepada anggota itu selama tempoh penggantungannya hendaklah dibayar kepadanya dengan serta-merta.

Tempoh jawatan Jawatankuasa Audit Dalam

22. (1) Tempoh jawatan setiap anggota Jawatankuasa Audit Dalam ialah satu tahun dan boleh dilanjutkan oleh Lembaga pada setiap tahun.

(2) Apa-apa kekosongan dalam Jawatankuasa Audit Dalam hendaklah diisikan oleh Lembaga dalam masa tiga puluh hari dari tarikh kekosongan itu dengan melantik mana-mana anggota yang layak.

Hilang kelayakan sebagai anggota Jawatankuasa Audit Dalam

23. Mana-mana orang hilang kelayakan daripada menjadi anggota Jawatankuasa Audit Dalam yang ditubuhkan menurut seksyen 42A Akta, jika dia—

- (a) telah disabitkan atas kesalahan di bawah Akta;
- (b) telah ditamatkan sebagai pegawai koperasi;
- (c) menjadi anggota Lembaga koperasi; atau
- (d) mempunyai apa-apa hutang tertunggak yang melebihi enam bulan kepada mana-mana koperasi atau institusi perbankan.

BAHAGIAN VI

HARTA DAN KUMPULAN WANG KOPERASI

Penerbitan bon atau debentur

24. Penerbitan bon atau debentur oleh koperasi adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang ditentukan oleh Suruhanjaya.

Syer tidak boleh disandarkan sebagai cagaran

25. Syer anggota koperasi tidak boleh disandarkan kepada koperasi itu oleh anggotanya sebagai cagaran bagi suatu pinjaman.

Pemindahan syer

26. Mana-mana anggota boleh memindahkan syernya kepada anggota yang lain yang melebihi sumbangan minimum yang dinyatakan dalam undang-undang kecil koperasi, dengan syarat bahawa pemindahan itu tidak berkuat kuasa sehingga borang pemindahan ditandatangani oleh anggota yang lain itu dan didaftarkan oleh koperasi itu.

Pembayaran syer atau yuran daripada Kumpulan Wang Rizab Statutori

27. Suatu koperasi boleh membuat pembayaran kepada anggotanya daripada Kumpulan Wang Rizab Statutori bagi syer atau yuran yang dikeluarkan oleh anggota, dan hendaklah memastikan bahawa pada setiap masa baki dalam kumpulan wang itu tidak kurang daripada lima belas peratus daripada jumlah syer dan yuran koperasi itu.

Penerbitan syer bonus

28. Suatu koperasi boleh, dengan kelulusan bertulis Suruhanjaya, dalam mesyuarat agungnya, mengisytiharkan dan menerbitkan syer bonus di bawah seksyen 55 Akta—

- (a) kepada anggota yang namanya terdapat dalam daftar anggota pada tarikh pengisytiharan syer bonus itu; dan
- (b) berdasarkan syer yang dipegang oleh setiap anggota seperti pada dua belas bulan sebelum tarikh pengisytiharan syer bonus itu.

BAHAGIAN VII**AKAUN DAN AUDIT****Pelantikan dan tanggungjawab juruaudit**

29. (1) Suatu koperasi yang bercadang untuk mengambil perkhidmatan seorang juruaudit di bawah subseksyen 60(1) Akta hendaklah memastikan bahawa—

- (a) juruaudit itu diluluskan oleh mesyuarat agung tahunan; dan
- (b) suatu surat cara pelantikan yang sepatutnya disempurnakan yang menyatakan tempoh pelantikan itu, fi audit yang boleh dikenakan, ruang lingkup pengauditan dan apa-apa perkara lain yang berkaitan.

(2) Koperasi hendaklah memberitahu Suruhanjaya mengenai pelantikan juruaudit itu dengan mengemukakan kepada Suruhanjaya suatu salinan surat cara pelantikan yang disebut dalam perenggan 1(b).

(3) Koperasi hendaklah menyediakan suatu senarai buku dan dokumen yang telah diserahkan kepada juruaudit dan dibawa keluar dari premis koperasi itu, yang suatu salinan senarai itu, yang di atasnya juruaudit mengaku penerimaannya, hendaklah disimpan oleh koperasi.

(4) Suruhanjaya hendaklah pada setiap masa mempunyai akses kepada kertas kerja pengauditan juruaudit itu.

(5) Jika koperasi gagal mengemukakan kepada juruaudit penyata kewangan yang dikehendaki bagi maksud pengauditan dalam tempoh lima belas hari selepas tamat tempoh yang dinyatakan dalam subseksyen 58(3) Akta, juruaudit hendaklah melaporkan perkara itu kepada Suruhanjaya.

(6) Juruaudit hendaklah menyelesaikan pengauditan koperasi dalam tempoh dua bulan selepas menerima penyata kewangan berserta dengan apa-apa dokumen lain koperasi itu yang dikehendaki bagi maksud pengauditan.

(7) Juruaudit hendaklah, selepas selesai pengauditan itu dalam tempoh yang dinyatakan dalam subperaturan (6), mengemukakan kepada Suruhanjaya laporan pengurusan juruaudit berkenaan dengan koperasi itu.

Obligasi juruaudit

30. Seseorang juruaudit hendaklah pada setiap masa mempunyai akses kepada rekod perakaunan dan rekod lain, termasuk daftar, koperasi dan boleh menghendaki —

- (a) pada masa mengaudit, kehadiran mana-mana pegawai atau bekas pegawai, ejen, pekhidmat atau anggota koperasi yang dia mempunyai sebab untuk mempercayai boleh memberikan maklumat material berkaitan dengan apa-apa transaksi koperasi itu atau pengurusan hal-ehwal dan urusannya; dan
- (b) pengemukaan apa-apa buku atau dokumen yang berhubungan dengan hal-ehwal dan urusan koperasi, atau apa-apa wang tunai atau sekuriti yang dipunyai oleh koperasi itu, oleh mana-mana pegawai atau bekas pegawai, ejen, pekhidmat atau anggota koperasi yang memiliki buku, dokumen, wang tunai atau sekuriti itu di mana-mana tempat dan pada bila-bila masa yang dinyatakan olehnya.

Buku, akaun dan penyata kewangan

31. (1) Menurut seksyen 58 Akta, suatu koperasi hendaklah menyediakan penyata kewangan dalam bentuk yang ditentukan oleh Suruhanjaya.

(2) Suatu senarai terperinci mengenai butir-butir perbelanjaan Lembaga dan pembayaran kepada anggota individu Lembaga hendaklah dimasukkan dalam nota kepada akaun untung rugi koperasi itu.

(3) Rekod yang disebut dalam subseksyen 58(1) Akta hendaklah disimpan oleh koperasi selama tempoh enam tahun selepas tarikh selesai pengauditan itu.

Pengemukaan maklumat dan dokumen tambahan

32. Menurut subseksyen 59(2) Akta, Suruhanjaya boleh, bagi membolehkan Suruhanjaya membuat pemerhatian yang sepatutnya mengenai akaun yang diaudit dengan sewajarnya dan kunci kira-kira koperasi dan subsidiarinya, jika ada, menghendaki juruaudit koperasi dan koperasi untuk mengemukakan kepadanya maklumat dan dokumen tambahan.

BAHAGIAN VIII**PERTIKAIAN****Rujukan pertikaian**

33. (1) Sesuatu pertikaian di bawah subseksyen 82(1) Akta boleh dirujuk kepada Suruhanjaya oleh mana-mana pihak kepada pertikaian itu dalam borang yang dinyatakan dalam Jadual Kelima.

(2) Tiap-tiap rujukan pertikaian di bawah subperaturan (1) hendaklah disertai dengan fi bagi penyelesaian pertikaian yang ditetapkan dalam Peraturan-Peraturan Koperasi (Fi) 2010.

(3) Jika suatu pertikaian melibatkan sejumlah wang yang kena dibayar oleh seseorang anggota Lembaga kepada koperasi, rujukan boleh dibuat oleh mana-mana anggota koperasi itu mengikut subperaturan (1).

(4) Jika, menurut perenggan 82(3)(b) Akta, Suruhanjaya memutuskan untuk merujuk suatu pertikaian kepada seorang penimbang tara, Suruhanjaya boleh merujuk pertikaian itu kepada—

(a) seorang penimbang tara tunggal yang dilantik oleh Suruhanjaya; atau

(b) tiga orang penimbang tara yang dilantik seperti yang berikut:

(i) setiap pihak kepada pertikaian itu hendaklah menamakan seorang penimbang tara dalam tempoh lima belas hari dari tarikh pemberitahuan untuk berbuat sedemikian oleh Suruhanjaya; dan

(ii) Suruhanjaya hendaklah menamakan penimbang tara ketiga yang hendaklah juga menjadi Pengerusi.

(5) Bagi maksud subperenggan (4)(b)(i), jika mana-mana pihak kepada pertikaian tidak menamakan seorang penimbang tara dalam tempoh lima belas hari dari tarikh pemberitahuan untuk berbuat sedemikian, Suruhanjaya boleh dengan sendirinya membuat penamaan.

(6) Segala pertikaian, selain pertikaian yang dinyatakan dalam subseksyen 82(1) dan (2) Akta, hendaklah dirujuk kepada mesyuarat agung koperasi untuk penyelesaian.

(7) Apa-apa persoalan tentang sama ada pertikaian tersebut termasuk dalam pengertian subseksyen 82(1) dan (2) Akta hendaklah ditentukan oleh Suruhanjaya dan keputusannya adalah muktamad.

BAHAGIAN IX

PERGABUNGAN

Pergabungan sukarela antara koperasi

34. (1) Tiap-tiap koperasi yang bercadang untuk bergabung dengan koperasi lain hendaklah berunding dengan Suruhanjaya untuk menentukan kemungkinan atau sebaliknya pergabungan tersebut.

(2) Tiap-tiap koperasi yang bercadang untuk bergabung hendaklah menerima pakai suatu ketetapan yang dibuat di mesyuarat agung yang mempersetujui pergabungan itu dan tarikh kuat kuasa pergabungan sedemikian.

(3) Tiap-tiap anggota koperasi hendaklah dimaklumkan tentang ketetapan yang dibuat di bawah subperaturan (2), dan hendaklah diminta untuk menyatakan secara bertulis persetujuannya atau sebaliknya kepada cadangan pergabungan itu dan pemindahan aset dan liabilitinya dalam koperasi kepada koperasi gabungan yang dicadangkan itu dalam borang yang dinyatakan dalam Jadual Keenam.

(4) Sekurang-kurangnya tiga perempat daripada jumlah keanggotaan koperasi seperti pada tarikh ketetapan dibuat di bawah subperaturan (2) hendaklah mempersetujui pergabungan itu dan—

- (a) bahawa koperasi itu menjadi suatu koperasi yang baru yang pendaftarannya dibuat menurut peraturan 3; atau
- (b) bahawa pendaftaran koperasi itu dibatalkan menurut perenggan 71(1)(b) Akta.

(5) Walau apa pun pembatalan pendaftaran koperasi di bawah perenggan (4)(b), koperasi itu hendaklah terus menunaikan kewajipannya dalam menyelesaikan proses pergabungan yang belum diselesaikan pada tarikh pergabungan itu.

(6) Bagi maksud pergabungan, aset anggota hendaklah termasuk—

- (a) syer atau yuran;
- (b) baki keuntungan yang belum dibahagikan pada hari sebelum tarikh pergabungan itu;
- (c) wang dalam mana-mana kumpulan wang rizab dan akaun rizab modal; dan
